

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Khamis, 26 Disember 2019 10:21 pg
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Buka Ruang Penyelidikan Kepada Penyelidik



UUM Corporate Comm.

Universiti Utara Malaysia

26 DISEMBER 2019 / 29 RABIULAKHIR 1441H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: RIMC

BUKA RUANG PENYELIDIKAN KEPADA PENYELIDIK

UUM ONLINE: *International Grants Talk Series: Applying for Asia-Pacific Economic Cooperation (APEC) Funds* yang berlangsung di Dewan Seminar C, Kompleks Konvensyen telah membuka ruang penyelidikan kepada para akademik UUM untuk mendapatkan Dana Antarabangsa.

Program anjuran Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (RIMC) yang disertai 64 orang merupakan inisiatif Prof. Dr. Ayoib Che Ahmad, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) yang telah berhasrat supaya lebih ramai lagi penyelidik di UUM yang memohon *APEC Funds*.

Ini berikutan atas kejayaan Prof. Madya Dr. Arpah Abu Bakar mendapatkan *APEC Funds* baru-baru ini dengan tajuk *APEC Disaster Risk Management Strategies to Support MSMEs Business Sustainability* bernilai US\$118,148.00.

Menceritakan pengalaman beliau, perjalanan bagi mendapatkan *APEC Funds* ini adalah satu pengalaman yang agak mencabar dan teruja apabila usaha gigih bersama rakan penyelidik membuahkan hasil.

Taklimat *APEC Funds* ini telah disampaikan oleh Asmidar Abdul Rahman, Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Hubungan Serantau dan Antarabangsa, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri Malaysia (MITI) dengan dibantu oleh Puan Zuriana Ibrahim selaku Penolong Pengarah Kanan dari bahagian yang sama.

Asmidar berkata, bersempena Malaysia sebagai tuan rumah penganjuran Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik (APEC) 2020, penyelidik hendaklah pantas bertindak dan menawan peluang mendapatkan *APEC Funds* yang telah tercipta di hadapan mata.

Memetik laporan akhbar New Straits Times bertarikh 4 Disember 2019, kira-kira 16,000 perwakilan dijangka datang ke Malaysia bagi APEC 2020.



Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Darell Leiking berkata, penganjuran APEC 2020 akan menekankan kepada tiga elemen utama - *Hospitality, Substance and Inclusivity* berlandaskan tema Mengoptimumkan Potensi Manusia Menuju Masa Depan Kemakmuran Berkongsi.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.